

TPM Biotech sasar pertumbuhan perniagaan 30%

KOSMO

14 September 2017 | Khamis

TPM Biotech sasar pertumbuhan perniagaan 30%

KUALA LUMPUR - TPM Biotech Sdn. Bhd. (TPM Biotech), anak syarikat Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. menasarkan pertumbuhan perniagaan sebanyak 30 peratus dalam tempoh dua hingga lima tahun akan datang.

Ini bakal dicapai melalui program pengembangan penggunaannya ke pasaran domestik dan serantau dengan lebih agresif.

Pengurus TPM Biotech, Ema Ukhtiah Zakaria berkata, dengan mengadaptasi pendekatan tersebut, ia akan membolehkan syarikat meningkatkan kesedaran serta mempercepatkan pertumbuhan para usahawan dalam sektor bioteknologi.

"TPM Biotech akan terus mem-

bantu komuniti akar umbi dalam merebut peluang perniagaan bernilai berbilion ringgit, yang banyak ditawarkan oleh industri berasaskan herba, bermula dari peringkat bahan mentah hingga ke produk siap.

"Dengan prospek produk bioteknologi berasaskan herba yang terus kukuh di peringkat pasaran tempatan dan global, syarikat komited untuk mengukuhkan kami di pasaran dengan mempromosikan pelbagai produk Herbs Gardens pada acara BioMalaysia 2017 ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan di sini semalam.

TPM Biotech merupakan salah



GERAI pameran TPM Biotech pada acara BioMalaysia 2017 yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini.

satu syarikat yang mengambil bahagian dalam pameran BioMalaysia dan Asia Pacific BioEconomy (BioMalaysia 2017) dengan mem-

pamerkan jenama produk berasaskan herba, Herbs Garden Garcinia Plus, Herbs Garden Peria dan Herbs Garden Smilax Plus.

Menurut Ema Ukhtiah, TPM Biotech yakin pameran itu akan membuka peluang kepada syarikat untuk mencapai sasaran pasaran dalam negara dan peringkat serantau yang lebih meluas.

"Ia juga akan menyediakan platform yang diperlukan untuk mempromosikan pelbagai kemudahan serta perkhidmatan bertaraf antarabangsa yang ditawarkan oleh TPM Biotech kepada perniagaan sedia ada dan berpotensi dalam bidang bioteknologi," ujarnya.

Produk Herbs Garden TPM Biotech dihasilkan di kilangnya di Raub, Pahang yang mana kemudahan tersebut dilengkapi mesin yang mampu menawarkan khidmat pembuatan kontrak kepada perusahaan kecil dan sederhana.